

Rujukan : UKM HTM/224/5

Tarikh : 5 Ogos 2026

PEKELILING PEJABAT PENGARAH BIL. 7/2026

Semua Ketua
Jabatan/Unit/Pusat
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SKIM KEBAJIKAN KEMATIAN (SKK) HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan HCTM Bil.26/2023 bertarikh 28 November 2023 telah bersetuju meluluskan cadangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) untuk melaksanakan Skim Kebajikan Kematian (SKK), HCTM berkuatkuasa 1 Januari 2024. Pelaksanaan ini merupakan inisiatif yang bertujuan memberikan bantuan kewangan kepada waris bagi menampung urusan pengebumian dan meringankan beban kewangan keluarga susulan kematian kakitangan HCTM. Perkara ini juga telah dihebahkan melalui Pekeliling Pejabat Pengarah Bil. 14/2023 bertarikh 27 Disember 2023.

3. Sehubungan itu, **semua kakitangan lantikan HCTM yang berstatus tetap dan kontrak (tanpa mengira agama) didaftarkan secara automatik sebagai ahli SKK**. Kadar sumbangan yang ditetapkan ialah **RM5.00 bagi setiap kematian** dan potongan gaji hanya akan dibuat apabila berlaku kematian yang melibatkan kakitangan yang menyertai SKK. Walau bagaimanapun, kakitangan yang tidak berhasrat untuk menyertai skim ini boleh mengemukakan Borang Penolakan Penyertaan Skim Kebajikan Kematian kepada Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu bagi tujuan pengemaskinian rekod keahlian.

5. Bersama-sama ini dilampirkan Borang Penolakan Penyertaan Skim Kebajikan Kematian untuk perhatian dan tindakan YBhg.Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan, YBhg.Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Cik Siti Nur Shuhada Abdul Hamid/ Puan Noor Faezah Mohamed Supian di talian 03-91455102/ 03-91458221.




TERHAD

Kerjasama dan perhatian YBhg.Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berikan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Cekap, Pantas Mesra"

Yang benar,


DATO' DR. AZMI BAHARUDIN
Pengarah
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

TERHAD